

“SEPADU USAHA – TIADA WANITA KETINGGALAN”

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غِلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ﴿٦﴾

(Surah At-Tahriim, ayat: 6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT RAHIMAKUMULLAH,

Bertaqwalah kepada Allah SWT dengan taqwa yang sebenar-benarnya. Firman Allah SWT di dalam Al-Quran:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَلْتَنْظُرْ نَفْسٌ مَّا قَدَّمَتْ لِغَدٍ ۖ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ خَبِيرٌ بِمَا

تَعْمَلُونَ ﴿١٨﴾

Maksudnya: “Wahai orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhan-Nya dan meninggalkan larangan-Nya) dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang dia telah sediakan (dari amal-amalnya) untuk hari esok (hari akhirat). (Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuan-Nya akan segala yang kamu kerjakan”. (Surah Al-Hasyr, ayat 18)

Ayat ini, Allah SWT memerintahkan hamba-Nya yang beriman supaya bertaqwa, siapa pun kita sama ada orang biasa, tukang kebun, petani, nelayan, peniaga, berpangkat, pemimpin, orang miskin, orang kaya atau miskin, kita disuruh bertaqwa kepada Allah SWT. Kerana dalam taqwa itu ada kemuliaan, ada keberkatan, ada kekayaan dan dengan taqwa itulah Allah SWT akan memuliakan hamba-Nya yang bertaqwa, dengan taqwa itu juga Allah SWT akan mengurniakan segala macam rezeki, kebaikan, keluar dari segala kesulitan dan kesukaran hidup. Percayalah dengan janji-janji Allah SWT, Allah SWT tidak memungkirkan janji-janji-Nya.

JEMAAH JUMAAT YANG BERIMAN,

Allah SWT memberikan contoh wanita beriman yang hebat di dalam Al-Quran, sebagaimana firman-Nya:

وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا لِلَّذِينَ ءَامَنُوا امْرَأَتَ فِرْعَوْنَ إِذْ قَالَتْ رَبِّ ابْنِ لِي عِنْدَكَ بَيْتًا فِي
الْجَنَّةِ وَجَنِّي مِنَ فِرْعَوْنَ وَعَمَلِهِ وَجَنِّي مِنَ الْقَوْمِ الظَّالِمِينَ ﴿١١﴾ وَمَرْيَمَ ابْنَتَ
عِمْرَانَ الَّتِي أَحْصَنَتْ فَرْجَهَا فَنفَخْنَا فِيهِ مِنْ رُوحِنَا وَصَدَّقَتْ بِكَلِمَاتِ رَبِّهَا وَكُتِبَ عَلَيْهَا
مِنَ الْقَنِينِ ﴿١٢﴾

Maksudnya: “Dan Allah mengemukakan satu misal perbandingan (yang menyatakan tidak ada mudharatnya” kepada orang mukmin (berhubung rapat dengan orang kafir kalau tidak terjejas keadaan imannya), iaitu perihal isteri Fir’aun ketika dia berkata: “Wahai Tuhanku! Binalah untuk sebuah rumah di sisi-Mu dalam syurga dan selamatkanlah daku dari Fir’aun dan perbuatannya (yang kufur dan buas) serta selamatkanlah daku dari kaum yang zalim. Dan juga (satu misal perbandingan lagi, iaitu) Maryam bin ‘Imran (ibu Nabi ‘Isa, seorang perempuan) yang telah memelihara kehormatan dan kesuciannya (dari disentuh oleh lelaki, tetapi oleh sebab Kami (Allah) telah takdirkan dia mendapat anak), maka Kami perintahkan Jibril meniup masuk ke dalam kandungan tubuhnya dari roh (ciptaan) Kami dan (sekalipun Maryam itu hidup di antara kaum kafir) dia mengakui kebenaran Kalimah-kalimah Tuhannya serta Kitab-kitab-Nya dan dia menjadi dari orang yang tetap ta’at”. (Surah At-Tahriim, ayat 11-12)

Negara kita menyambut Hari Wanita Kebangsaan pada 25 Ogos setiap tahun. Sambutan ini sebagai tanda pengiktirafan kepada wanita atas sumbangan mereka di dalam pembangunan, kemajuan Negara dan umat Islam di Negara ini. Wanita juga menjadi ejen kepada perubahan dalam masyarakat dan menyumbang pembangunan ekonomi dan sosial di Negara ini.

Manakala antara objektif atau tujuan utama Sambutan Hari Wanita Kebangsaan tahun ini, ialah:

1. Memberi pendedahan, maklumat dan pengetahuan kepada masyarakat umum terutamanya kepada golongan wanita mengenai isu, peluang dan cabaran yang bakal dihadapi dan persekitaran masa kini dan akan datang agar wanita mempunyai daya saing untuk mencapai perkongsian saksama antara wanita dengan lelaki.
2. Melalui Sambutan ini, kerajaan dapat merealisasikan usaha membentuk masyarakat Malaysia yang progresif dan seimbang dengan luas kepada masyarakat. Golongan wanita dapat mengarusperdanakan kepentingan wanita untuk mencapai potensi mereka sepenuhnya agar dapat merealisasikan aspirasi kerajaan dengan membangunkan modal insan yang berilmu, berwawasan, mempunyai daya kreativiti dan inovasi serta menghayati nilai-nilai murni.

Untuk mencapai objektif ini, umat Islam mempunyai ramai ikon wanita Islam terhebat sepanjang zaman, antara model dan contoh teladan itu ialah Siti Khadijah binti Khuwailid RA, beliau seorang wanita mulia, berpengaruh, bangsawan, hartawan dan dermawan. Beliau merupakan isteri Baginda Rasulullah SAW. Inilah ikon tersohor umat Islam, terkenal sebagai tokoh perniagaan di zaman itu. Siti Khadijah RA adalah Ummul Mukminin pertama, seorang wanita yang tabah, gigih, sentiasa memberikan dorongan kepada Rasulullah SAW, suaminya dalam perjuangan dan dakwah suaminya mengajak umat manusia ke jalan Allah. Malah beliau juga menjadi penolong, pembantu dan pembela Rasulullah SAW dalam melaksanakan tugas mulia menyeru manusia ke jalan Allah SWT.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Allah SWT menjadikan lelaki dan wanita atau perempuan supaya saling kenal-mengenal antara satu dengan lain demi melaksana perintah Allah SWT memakmur dan membangunkan ummah dan Negara, firman-Nya di dalam Al-Quran:

يَتَأْتِيهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَىٰ وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ لِتَعَارَفُوا ۗ إِنَّ أَكْرَمَكُمْ
عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْوَاهُ ۗ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ ﴿١٣﴾

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya di antara kamu (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui lagi Maha Mendalam Pengetahuan-Nya (akan keadaan dan amalan kamu)”. (Surah Al-Hujuraat, ayat 13)

Sehubungan itu, Sambutan Hari Wanita Kebangsaan kali ini juga secara khusus untuk memberikan manfaat dan faedah sebaik-baiknya kepada wanita di Negara ini, antaranya:

1. Sebagai satu platform untuk mengintegrasikan wanita dalam pelbagai aspek atau bidang.
2. Merealisasikan hasrat kerajaan dalam membentuk warga Malaysia yang progresif dan seimbang terutama dikalangan wanita.
3. Menyalurkan maklumat bagi meningkatkan ilmu pengetahuan kepada wanita supaya dapat memberikan sumbangan kepada pembangunan masyarakat dan Negara.
4. Sebagai platform kepada wanita dalam mengutarakan pandangan dan juga isu dalam agenda pembangunan wanita.
5. Mewujudkan jalinan kerjasama dan perpaduan agar dapat diperkukuhkan melalui persefahaman yang terjalin.

Dalam pada Islam memberi ruang wanita berperanan dalam pembangunan ummah dan Negara, Islam juga meletakkan beberapa asas demi memelihara kemuliaan, kehormatan dan martabat wanita pada tempatnya yang tinggi, antaranya:

1. Dalam pergaulan. Islam meletakkan batas pergaulan yang terbaik demi memelihara kemuliaan dan kehormatan wanita. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: “*Janganlah bersunyan atau berduaduaan lelaki dengan perempuan (lain) kecuali bersamanya mahramnya dan janganlah seorang perempuan bermusafir kecuali bersamanya mahramnya*”. (HR Imam Bukhari dan Muslim)
2. Menjaga kehormatan. Firman Allah SWT:

وَقُلْ لِلْمُؤْمِنَاتِ يَغْضُضْنَ مِنْ أَبْصَارِهِنَّ وَيَحْفَظْنَ فُرُوجَهُنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا مَا ظَهَرَ مِنْهَا...

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad) kepada perempuan-perempuan yang beriman supaya menyekat pandangan mereka (daripada memandang yang haram) dan memelihara kehormatan mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka kecuali yang zahir daripadanya...”. (Surah An-Nur, ayat 31)

3. Memilih pakaian yang menepati syariat. Firman Allah SWT:

...وَلْيَضْرِبْنَ خُمُرِهِنَّ عَلَىٰ جُيُوبِهِنَّ وَلَا يُبْدِينَ زِينَتَهُنَّ إِلَّا لِبُعُولَتِهِنَّ أَوْ آبَائِهِنَّ أَوْ
آبَاءِ بُعُولَتِهِنَّ أَوْ أَبْنَائِهِنَّ أَوْ إِخْوَانِهِنَّ...

Maksudnya: "...dan hendaklah mereka menutup belahan leher bajunya dengan tudung kepala mereka dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh mereka melainkan kepada suami mereka atau bapa mereka atau bapa mertua mereka atau anak-anak mereka atau anak-anak tiri mereka atau saudara-saudara mereka...". (Surah An-Nur, ayat 31)

4. Hubungan wanita (ibu) dan anak, seorang sahabat bertanya: Ya Rasulullah, siapa yang paling berhak memperoleh layanan dan persahabatanku? Rasulullah SAW menjawab yang bermaksud: "Ibumu...ibumu...ibumu, kemudian ayahmu dan kemudian yang lebih dekat kepadamu dan yang lebih dekat kepadamu". (HR Muttafaqun 'alaih)

JEMAAH JUMAAT YANG DIHORMATI,

Islam meletakkan kedudukan wanita di sisi lelaki dalam hal kepimpinan. Firman Allah SWT:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَىٰ بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ
فَالصَّالِحَاتُ قَانِتَاتٌ حَافِظَاتٌ لِّلْغَيْبِ بِمَا حَفِظَ اللَّهُ...

Maksudnya: "Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang perempuan dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka. Maka perempuan-perempuan yang solehah itu ialah yang taat (kepada Allah dan suaminya) dan yang memelihara (kehormatan dirinya dan apa jua yang wajib dipelihara) ketika suami tidak hadir bersama, dengan pemeliharaan Allah dan pertolongan-Nya..." (Surah An-Nisaa', ayat 34)

Ayat ini, menjelaskan bahawa kaum lelaki dan wanita atau perempuan saling memimpin dalam memelihara amanah dan tanggungjawab yang berat. Ciri wanita solehah itu ialah patuh dan taat kepada Allah SWT, Rasul-Nya dan juga kepada suaminya yang akan menjadi pemangkin utama yang akan mengangkat darjat dan martabat wanita dalam Islam.

Ketahuilah, bahawa wanita atau isteri yang mempunyai ciri-ciri solehah ini amat diperlukan dalam membina Negara "Baladatul toiyibatun wa Rabbun Ghafuur", yakni Negara yang baik (aman dan makmur) dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun". Bahkan mereka sekaligus berperanan besar dalam pembangunan Negara dalam pelbagai bidang sama ada kekeluargaan, masyarakat, pendidikan, ekonomi, pengurusan dan sebagainya.

Dalam sebuah Hadith, dinyatakan secara khusus tentang peranan atau fungsi utama seorang wanita atau isteri dalam rumahtangga dan keluarga serta masyarakat. Dari Ibnu Umar RA berkata: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Kamu semua adalah pemimpin dan kamu semua akan ditanya (disoal) tentang rakyatnya. Amir (raja) adalah pemimpin dan lelaki (suami) adalah pemimpin terhadap ahli keluarganya dan perempuan (isteri) adalah pemimpin rumahtangga suaminya dan anak-anaknya. Maka kamu semua adalah pemimpin dan kamu akan bertanggungjawab atas pimpinan terhadap rakyatnya". (HR Muttaqun 'alaih)

Pengajaran penting daripada ayat dan Hadith ini:

1. Islam meletakkan lelaki dan wanita mempunyai hubungan dalam kepimpinan.
2. Lelaki dan wanita atau suami dan isteri sama-sama mempunyai amanah dan tanggungjawab dalam kepimpinan dan rumahtangga.
3. Had kuasa telah ditentukan antara lelaki dan wanita dalam Islam.
4. Wanita atau isteri mempunyai tanggungjawab dalam rumahtangga dan anak-anak bersama suaminya.
5. Setiap amanah itu akan dipertanggungjawabkan kelak tiada yang akan terlepas.

Tegasnya, Islam adalah agama yang amat menjaga maruah wanita dan mengangkat tinggi kedudukan wanita, sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *"Dunia adalah kesenangan dan sebaik-baik kesenangan dunia itu, ialah wanita (isteri) yang solehah"*. (HR Imam Muslim)

In syaa Allah, usaha dan kerjasama antara suami dan isteri, lelaki dan wanita mengikut ketentuan syariat Islam yang syumul akan menambah lagi keberkatan, pasti tiada wanita yang tertinggal dalam arus pembangunan negara.

Manakala keistimewaan wanita dari segi biologi, fizikal dan kejadian daripada tulang rusuk yang bengkok, dalam hal ini pesan Rasulullah SAW supaya berpesan baik-baik kepada wanita. Dari Abu Hurairah RA berkata: Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: *"Berpesan-pesan baiklah kamu terhadap wanita, kerana wanita itu terjadi dari tulang rusuk yang bengkok, maka kalau engkau paksa meluruskannya dengan kekerasan pasti patah dan jika engkau biarkan tentu tetap bengkok, kerana itu berpesan-pesan baiklah terhadap wanita itu"*. (HR Muttafaquun 'alaih)

JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN,

Demikianlah, Islam meletakkan kedudukan tinggi wanita dalam keluarga, masyarakat, kepimpinan dan pengurusan bermula dari rumahtangga hingga dalam pengurusan dan pentadbiran masyarakat dan Negara.

Mudah-mudahan Allah SWT mengurniakan dalam rumahtangga, keluarga dan masyarakat kita, isteri solehah, anak-anak soleh/solehah yang mendapat sentuhan asuhan, didikan dan bimbingan daripada tangan-tangan ibu-ibu solehah, in syaa Allah ia akan membina keluarga, masyarakat dan ummah yang terbaik, berjaya dan cemerlang di dunia dan akhirat.

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



Disediakan dan diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.